

14 OCT 1997

PM: PELBAGAIKAN SUMBER TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Malaysia harus mempelbagaikan sumber teknologi bagi membantunya mencapai status perindustrian menjelang tahun 2020 dan menyebut Rusia sebagai satu daripada negara yang boleh menyediakan bantuan yang diperlukan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia mesti mempunyai lebih banyak rakan kongsi dan pembekal teknologi.

"Perkongasian dengan Rusia sudah pastinya akan membantu sedikit sebanyak dan memperkayakan teknologi kita serta menghasilkan lebih ramai usahawan berteknologi. Peluang seumpama ini tidak seharusnya dilepaskan begitu sahaja," katanya dalam ucapan beliau pada majlis perasmian pameran TechXchange '97 di MINES dekat sini. Teks ucapannya dibaca oleh Datuk Chong Kah Kiat, menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata dagangan antara Malaysia dan Rusia diperkukuhkan lagi pada 1994 dengan Malaysia membeli 19 buah jet pejuang MiG-29 bernilai lebih RM1 bilion.

"Pemindahan teknologi diatur melalui program pengimbangan bagi membolehkan syarikat Malaysia, agensi penyelidikan dan pembangunan serta institusi pengajian tinggi menerima latihan dalam sektor pesawat, avionik dan aeroangkasa," tambahnya.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, eksport Malaysia ke Rusia bernilai RM110.17 juta manakala import dari Rusia pula berjumlah RM434.68 juta.

Pada 1996, eksport Malaysia ke Rusia bernilai RM284.6 juta manakala import dari Rusia bernilai RM667.88 juta.

Barangan eksport utama ke Rusia termasuklah alat penerima televisyen, perakam bunyi, getah asli, alat kelengkapan pejabat, kelengkapan telekomunikasi, minyak sawit dan koko manakala import dari Rusia termasuk baja buatan, besi dan keluli, bijih logam asas dan barangan boleh dimakan.

TechXchange '97 merupakan pameran dan persidangan teknologi tinggi yang pertama yang menonjolkan sains dan teknologi mutakhir dari Rusia di rantau Asia-Pasifik. -- BERNAMA

AD MA